

BENGKEL PENULISAN MODUL PIAGAM

Seramai 13 orang pensyarah SPPS telah berkampung di Tuaran Beach Resort pada 8-10 April 2009 bagi menjayakan pembangunan Modul Program Integrasi Guru Awalan Malaysia (PIAGAM) 2009. Selain merangka kandungan modul dalam bentuk aktiviti dan bahan penyelidikan, kumpulan penulis turut menyelaraskan pelaksanaan modul dengan jadual program yang bakal berlangsung antara 21-27 Jun tahun ini. PIAGAM 2009 bertujuan untuk:

- Memberi pendedahan secara langsung kepada pelajar program pendidikan (guru awalan) berkaitan senario sebenar peranan dan kehidupan harian sebagai seorang guru di luar bandar.
- Memberi peluang kepada pelajar program pendidikan (guru awalan) untuk merasai sendiri proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah luar bandar melalui perkongsian bijak melalui idea dan memperoleh pengalaman sebagai pembantu guru sekolah di luar bandar.
- Mengumpul maklumat menyeluruh berkenaan dengan sekolah di luar bandar dan maklumat komuniti setempat.
- Membangunkan tahap profesionalisme keguruan dalam kalangan pelajar program pendidikan (guru awalan) melalui penekanan kepada aspek tatasusila, sistem nilai guru, kecekalan diri (*survival*), ketahanan fizikal (*fitness*) dan kesedaran diri (*self-actualization*).
- Meningkatkan tahap kemahiran sosial pelajar program pendidikan (guru awalan) melalui program penyelidikan, khidmat masyarakat dan pengurusan sumber pengajaran dan pembelajaran.
- Meningkatkan keupayaan pemikiran kritis (*critical thinking*) dalam kalangan pelajar program pendidikan (guru awalan) melalui sesi refleksi terhadap pengalaman yang diperoleh dari aspek kekuatan mental dan fizikal, kemahiran sosial dan kemahiran asas kehidupan.

PIAGAM yang memperoleh peruntukan RM200,000.00 daripada Kementerian Pengajian Tinggi bakal melibatkan 100 orang mahasiswa fakulti pendidikan dari 13 IPTA seluruh Malaysia. Di samping itu, ahli akademik dari semua IPTA terlibat akan menjalankan penyelidikan meliputi aspek Iklim Sekolah, Profesionalisme, Hubungan Guru dengan Komuniti serta Pengurusan Sekolah. Pemilihan SPPS sebagai tuan rumah telah dipersetuju oleh Majlis Dekan Fakulti Pendidikan Malaysia berdasarkan senario pendidikan negeri Sabah yang sebahagian besarnya masih berpusat di kawasan luar bandar serta kewujudan Pusat Pembangunan Pendidikan Luar Bandar yang merupakan pusat penyelidikan tunggal dalam Negara yang memberi fokus kepada kemajuan pendidikan luar bandar.

